



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**

No. 47, Persiaran Perdana, Presint 4,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62100 Putrajaya, Malaysia

Tel: 03-8000 8000 Email: [aduan@rurallink.gov.my](mailto:aduan@rurallink.gov.my) | [webmaster@rurallink.gov.my](mailto:webmaster@rurallink.gov.my)

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**

# **E-KERATAN AKHBAR HARIAN**

**TARIKH : 26-27 JANUARI 2019**

**RUJUKAN : KPLB.UKK.600-11 (07)**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

 [www.rurallink.gov.my](http://www.rurallink.gov.my)

 Kementerian Pembangunan Luar Bandar

 [kplb\\_gov](https://twitter.com/kplb_gov)

 [kplb\\_gov](https://www.instagram.com/kplb_gov)

 [kplb Official](https://www.youtube.com/kplbOfficial)

TARIKH:

26 JANUARI 2019

HALAMAN:

ONLINE

BH ONLINE



Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Rina Mohd Harun. - NSTP/Rosela Ismail

## Kerajaan Pusat selaras dengan kerajaan negeri atasi masalah

Oleh Ibrahim Isa  
ibrahim@nstp.com.my



**KULAI:** Kerajaan Pusat akan mengadakan penyelarasan dengan Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) Johor bagi mengatasi pelbagai masalah penduduk luar bandar dan mengelak pertindihan.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Rina Mohd Harun, berkata pihaknya menerima banyak maklum balas berkaitan pelbagai masalah termasuk bekalan air dan elektrik, pembinaan balai raya serta jalan pintas.

Bagaimanapun, katanya, beberapa masalah perlu dibincang dengan kerajaan negeri sebelum ia boleh diselesaikan.

Menurutnya, hasil lawatan kerja sehari di Kulai hari ini, beliau maklum dengan beberapa permintaan dan buat masa ini bersetuju membantu menyelesaikan empat masalah.

"Pertama pembinaan jalan kampung sepanjang 1.6 kilometer, bekalan elektrik dan air, baik pulih dewan dan balai raya serta tabika baharu.

"Saya dapati semua permohonan untuk kepentingan orang ramai seperti tabika dan dewan.

"Kami tiada masalah untuk membantu, namun akan membuat penyelarasan bagi mengelak pertindihan," katanya pada sidang media di Program Semarak Kasih di Dewan FELDA Bukit Permai di sini, hari ini.

Sementara itu, ketika berucap, beliau berkata kementerian sentiasa bergerak cergas dalam membantu masyarakat luar bandar dan sepanjang tahun lalu, menstruktur semula Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) kepada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) yang bersifat lebih inklusif kepada semua pihak.

Selain dari itu, katanya, tahun lalu pihaknya melancarkan beberapa program dan inisiatif, seperti Program Desa Harapan, INOTEKDESA, dan Pemerkasaan Pusat Komuniti Desa (PKD).

"Kami juga melancarkan Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar 2018 – 2023 dengan tema 'Luar Bandar Sejahtera', mengetengahkan Enam Teras Utama dalam agenda utama pembangunan luar bandar bertujuan membawa masyarakat luar bandar mara ke hadapan.

"Alhamdulillah, agihan peruntukan diluluskan kepada kesemua enam teras merangkumi Prasarana dan Kesejahteraan Rakyat, Ekonomi, Keusahawanan, Modal Insan, Wanita dan Sistem Penyampaian.

"Kesemua teras dirangka bagi memacu arus pembangunan masyarakat luar bandar, bagi memartabatkan ekonomi luar bandar kerana kerajaan PH sedar penduduk luar bandar tidak seharusnya terpinggir untuk bersama-sama menghadapi Revolusi Industri Keempat.

Sementara itu, Pegawai Daerah Kulai, Mohd Khir Johari Salleh, berkata nama Kampung Tersusun Murni Jaya akan ditukar kepada Kampung Semangat Bersatu.

"Menteri meluluskan permohonan membuat jalan kampung, Kampung Tersusun Murni Jaya sepanjang 1.6 Kilometer, kedua membantu menyelesaikan masalah bekalan elektrik dan air di kampung sama.

"Selain itu, beliau setuju membaik pulih dewan dan balai raya serta menyewa dua premis untuk dijadikan Tabika Kemas di Kampung Pertanian dan flet Bandar Putra," katanya.

TARIKH:

27 JANUARI 2019

HALAMAN:

10

ONLINE

Utusan  
MALAYSIA

BERITA HARIAN

Metro

Kosmo!

Sinar

Star

NEW STRAITS TIMES

南洋商報  
NANYANG SHANG PAO

東方日報  
Oriental Daily News

Utusan  
Borneo

THE BORNEO POST

NEW SABAH  
TIMES  
Sabah's First Established Paper



RINA (dua dari kanan) menerima cenderahati daripada wakil penduduk ketika menghadiri Program Semarak Kasih di Kulai semalam.

## Pelan pacu pembangunan luar bandar

KULAI - Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) yakin Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar 2018-2023 yang dilancarkan tahun lalu dapat memastikan golongan desa tidak tercicir bagi mendepani revolusi industri 4.0.

Menterinya, Datuk Seri Rina Mohd. Harun berkata, pelan terbabit dengan tema 'Luar Bandar Sejahtera' dilengkapkan dengan enam teras meliputi pelbagai aspek pembangunan.

"Bagi setiap teras yang dirangka, terdapat pelbagai strategi yang telah

direncanakan meliputi tempoh jangka masa pendek dan panjang.

"Antaranya adalah seperti Program Desa Digital, Gerakan Desa Harapan (GDH), Road Map Pembangunan Usahawan Luar Bandar, program latihan kemahiran untuk wanita dan program pembangunan untuk kampung terpinggir dalam daerah termiskin di seluruh negara.

"Saya bersyukur kerana peruntukan bagi pelan melalui enam teras yang dinyatakan telah pun diluluskan agihannya," katanya pada Program

Semarak Kasih anjuran Ahli Dewan Undangan Negeri Bukit Permai, Tosrin Jarvanthi di Dewanraya Felda Bukit Permai di sini semalam.

Terdahulu, Rina turut mengadakan pertemuan dengan ketua-ketua jabatan serta pemimpin penduduk setempat selain mengadakan lawatan ke Kampung Tersusun Murnijaya di sini.

Rina menambah, kesemua teras ini dirangka bagi memacu arus pembangunan masyarakat luar bandar, lebih-lebih lagi bagi memartabatkan ekonomi luar bandar yang besar potensinya.